



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 45

Selasa

14 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Memohon Kemudahan Balai Bomba dan Penyelamat
Di Daerah Asajaya**
– YB. Puan Rubiah Haji Wang (*Kota Samarahan*) [Halaman 1]
- **Masalah Kekurangan Tempat Letak Kereta
Di Pangsapuri/Flat Kos Rendah dan Sederhana**
– YB. Tuan Hee Loy Sian (*Petaling Jaya Selatan*) [Halaman 5]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Selasa, 14 November 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Memohon Kemudahan Balai Bomba Dan Penyelamat
Di Daerah Asajaya**

2.34 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ucapan saya Memohon Kemudahan Balai Bomba Dan Penyelamat Di Daerah Asajaya kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai permohonan membina sebuah Balai Bomba dan Penyelamat di Daerah Asajaya dalam kawasan Parlimen Kota Samarahan.

Tuan Yang di-Pertua, Daerah Asajaya yang berkeluasan 65.29 kilometer persegi amat memerlukan sebuah balai bomba yang strategik dengan jarak paling hampir dengan tempat kejadian sesuatu insiden. Balai Bomba dan Penyelamat yang terdekat adalah Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan lebih kurang 53 kilometer, mengikut laluan Jalan Dato Mohd Musa/Bulatan UNIMAS/Bulatan UiTM/Jalan Entingan/UiTM/Jalan Asajaya - Sadong Jaya. Bentuk muka bumi Asajaya adalah rata kerana berhampiran dengan pantai Laut China Selatan dengan anggaran penduduk seramai 32,100 (statistik 2010) mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk aktiviti pertanian. Malah sesetengah kawasan bergambut yang subur dan sesuai untuk tanaman nanas. Pembangunan pesat sektor perladangan kelapa sawit

di Sadong Jaya dan sektor pertanian di Asajaya memberi potensi kebakaran ladang sebagai risiko kebakaran utama di samping kebakaran sektor industri yang juga berkembang pesat dan juga kediaman.

Risiko kebakaran di Daerah Asajaya mengambil kira *respond time* dalam tempoh 53 minit 30 saat dan keadaan ini menggambarkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat menghadapi kesukaran dalam operasi pemadaman dan penyelamatan yang cekap dan berkesan. Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di Daerah Asajaya akan memberi kesan besar kepada kesejahteraan dan keselamatan yang mana ketika ini daerah ini belum mendapat perlindungan sepenuhnya. Jabatan ini juga boleh memberi khidmat nasihat serta latihan kebombaian dalam aspek mencegah dan melawan kebakaran.

Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat ini dapat menggalakkan kemasukan pelabur asing dan tempatan berikutan tahap prasarana terbaik dan ianya secara tidak langsung memberi kesan kepada pengurangan pembayaran premium insurans kepada industri, kedai dan lain-lain. Dengan adanya kewujudan Balai Bomba dan Penyelamat di daerah ini juga akan menarik lebih ramai masyarakat ke Asajaya dan bakal menyaksikan banyak peluang pekerjaan serta pembangunan pesat yang akan meningkatkan ekonomi rakyat di Parlimen Kota Samarahan dalam Daerah Asajaya. Besarlah harapan saya agar kementerian dapat menilai permintaan rakyat di Parlimen ini. Sekian, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Samarahan. Pertama kali bawa usul dalam Kamar Khas, ya. Jadi terima kasih. Agaknya selepas banyak kali bawa soalan berkaitan dengan balai bomba baru Asajaya. Jadi, hari ini terpaksa bawa dalam usul di Kamar Khas. Jadi kita ucapkan terima kasih banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari tentang keperluan yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi untuk mewujudkan sebuah balai bomba di kawasan Daerah Asajaya bagi melindungi nyawa penduduk dan juga harta yang dianggarkan – banciaan yang tadi Yang Berhormat sebut 32,100 itu adalah banciaan berdasarkan pada tahun 2010 dan banciaan pada tahun 2015 adalah seramai 33,600 orang. Kementerian telah pun membuat permohonan, Tuan Yang di-Pertua, bagi pembinaan balai bomba kategori D yang turut dilengkapi

dengan sebuah jentera pemadam bersama dengan 21 orang anggota bomba di Asajaya dengan kos projek berjumlah RM7 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan ini telah pun dibuat oleh kementerian sejak daripada Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* yang Pertama (RP1) pada tahun 2016. Persoalan yang berkaitan dengan balai bomba ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada sesi tahun 2013, ya. Ini adalah soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada 4 Julai 2013 dan permohonan telah pun dibuat oleh kementerian untuk RP1 pada tahun 2016.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, permohonan itu tidak dipertimbangkan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan permohonan kedua - selepas RP1 itu tidak berjaya, maka kementerian buat permohonan lagi untuk RP2 pada tahun 2017 tetapi juga tidak disenaraikan dalam senarai EPU dan kementerian telah pun memohon Tuan Yang di-Pertua, agar projek bagi Balai Bomba Asajaya ini diluluskan dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2018, iaitu tahun depan. Tahun 2016 tidak dapat, 2017 tidak dapat, kita minta untuk tahun 2018.

■1440

Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih lagi belum mendapat pertimbangan oleh pihak EPU. Justeru itu, saya hendak berikan pengharapan baru kepada Yang Berhormat, bila Yang Berhormat dengar jawapan ini, daripada RP1, RP2 dan RP3 sampailah untuk tahun 2018, permohonan itu masih lagi tidak tersenarai dalam senarai EPU.

Harapan yang mahu saya berikan kepada Yang Berhormat pada hari ini, pihak kementerian sedang berusaha merayu untuk mendapatkan kelulusan khas kepada EPU untuk projek tersebut Tuan Yang di-Pertua, diluluskan dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2013 dengan menggunakan pelarasan peruntukan dalaman Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jadi kita gunakan melalui peruntukan dalaman. Ini kerana kalau kita hendak tunggu yang situ, mungkin kita kena bawa balik kepada tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan kepada Yang Berbahagia Dato' KSU kementerian untuk mengemukakan rayuan di atas yang sebutkan kepada Yang Berhormat tadi, kepada pihak EPU dalam minggu ini juga dan surat rayuan tersebut akan disalinkan kepada Yang Berhormat. Jadi maknanya, janji kementerian ini kepada Yang Berhormat seperti yang saya sebutkan tadi menggunakan pelarasan peruntukan dalaman Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,

insya-Allah, akan dapat membantu untuk kita memulakan harapan yang telah pun dihasratkan oleh Yang Berhormat.

Bagi kawasan Daerah Asajaya ini Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, seperti Yang Berhormat maklum juga, mendapat perlindungan kebombaian daripada Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan dengan kekuatan ada 48 orang anggota kita di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan ada dua buah jentera pemadam tetapi jaraknya ialah 23.7 kilometer dengan *response time* sebanyak 46 minit. So, 23.7 kilometer dia hendak sampai, dia ambil masa 46 minit. Jadi betul, tepatlah harapan Yang Berhormat itu untuk memohon sebuah Balai Bomba baharu untuk kawasan Asajaya.

Dalam pada itu Yang Berhormat, Pasukan Bomba Sukarela Sungai Bulu di Asajaya juga bertindak memberikan perlindungan kebombaian dengan kekuatan 65 orang anggota Pasukan Bomba Sukarela, ada satu jentera, kita berikan Proton Arena lengkap dengan sebuah pam angkut, 10 unit hos, dua unit nozel dan enam set Peralatan Perlindungan Diri seperti helmet, jaket api, *gloves* dan sebagainya.

Akan tetapi memandangkan Pasukan Bomba Sukarela ini ia berpusat di Sungai Bulu dan terletak 32 kilometer ke kawasan Asajaya. Maknanya ia lebih jauh daripada Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan tadi, maka Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan membantu Yang Berhormat untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela dengan kerjasama Yang Berhormat untuk mengenal pasti keahlian seramai 20 orang di dalam pekan Asajaya. Jadi Yang Berhormat balik mungkin minggu ini agaknya, boleh tengok siapa agaknya keahlian daripada kumpulan masyarakat yang aktif, yang mahu menjadi ahli kepada Persatuan Bomba Sukarela sementara menunggu balai bomba baru itu.

Kementerian bersetuju – dalam pada Yang Berhormat cari 20 ahli ini, kita akan bantu penubuhan Pasukan Bomba Sukarela, kementerian telah juga bersetuju untuk membekalkan dua buah kabin kontena – kita tidak mahu bina bangunan tetap kerana bangunan tetap ia akan jadi balai bomba baru Asajaya. Jadi dua kabin kontena, sebuah pam angkut bersama 10 gelung hos untuk pasukan bomba tersebut dan boleh diletakkan kabin itu di tapak cadangan Balai Bomba Asajaya. Jadi untuk sementara waktu, kerana kawasan itu pun luas. Jadi ini adalah merupakan langkah jangka masa pendeklah, sekurang-kurang dapat membantu menangani masalah kebakaran yang kecil sebelum ia menjadi besar dan juga akan dapat membantu menangani isu *responds time* di kawasan tersebut.

Jadi saya harap mudah-mudahanlah, dengan jawapan yang diberikan oleh kementerian ini, Yang Berhormat akan rasa lega hati, balik boleh beritahu dengan orang kawasan, kita tubuhkan Pasukan Bomba Sukarela dalam pada kita tunggu penyelarasan peruntukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi pembinaan sebuah balai bomba Asajaya yang baru, *insya-Allah*, pada tahun hadapan, ya Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Masalah Kekurangan Tempat Letak Kereta Di Pangsapuri/Flat Kos Rendah Dan Sederhana

2.44 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. So Yang Berhormat Menteri, tolonglah bina satu Balai Bomba dekat Asajaya ini. 40 minit itu *responds time* itu, saya rasa...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak apa. Yang Berhormat tidak payah jawab. Saya sudah jawab soalan itu tadi.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Ketawa]* Okey, terima kasih. Masalah Kekurangan Tempat Letak Kereta/Parkir Di Pangsapuri/Flat Kos Rendah Dan Sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada masalah *parking* yang melanda di flat-flat kos rendah dan sederhana di seluruh negara. Semasa proses pembinaan, dasar yang diguna pakai oleh pihak pemaju ialah dengan mengkhususkan satu tempat letak kereta bagi setiap rumah. Apa yang berlaku ialah kadang-kadang kita mempunyai isi rumah yang menggunakan lebih daripada satu buah kereta. Permasalahan juga timbul apabila rumah tersebut didiami oleh sekumpulan eksekutif muda yang masing-masing memiliki kereta. Pemilikan kereta bagi sesetengah isi rumah itu telah menjadi suatu keperluan. Ini diakibatkan daripada kelemahan penyediaan sistem pengangkutan awam berhampiran dengan flat mereka. Jarak menuju ke stesen pengangkutan terdekat dan jadual pengangkutan yang tidak tepat menjadikan mereka tidak mempunyai pilihan lain.

Akibat daripada jumlah kereta yang banyak, kereta diletakkan berlapis-lapis. Kereta terpaksa diletakkan dengan keadaan bahaya dengan jarak antara satu kereta dengan kereta yang lain sangat rapat sehingga amat berpotensi untuk berlaku pelanggaran kecil. Kereta yang diletakkan di sepanjang lapisan kedua dikehendaki tidak menaikkan brek tangan. Banyak juga kes di mana cermin kereta dipecahkan kerana kereta tersepit tidak boleh keluar daripada

parking. Keadaan menjadi kronik apabila kereta penghuni terpaksa diletakkan di bahu-bahu jalan sehingga mengganggu lalu lintas sehinggakan jalan dua hala bertukar menjadi satu hala akibat permasalahan ini.

Satu lagi masalah yang berlaku ialah apabila kenderaan kecemasan seperti bomba dan ambulans diperlukan untuk masuk ke kawasan perumahan flat yang sempit akibat kereta diletakkan berlapis-lapis ini. Oleh yang demikian, kereta kecemasan terpaksa meletakkan kenderaan mereka di jarak yang jauh daripada tempat kejadian dan ini menyukarkan kerja-kerja penyelamat.

Selain daripada memadam kebakaran, pihak bomba yang sering dipanggil dalam membantu membawa pesakit obesiti ke hospital. Ada kalanya pesakit obesiti berada di tingkat tinggi rumah pangsa dan kemudiannya terpaksa diusung ke ambulans yang terletak jauh daripada tempat sepatutnya menyebabkan keadaan menjadi lebih rumit. Ini juga berlaku kepada pesakit-pesakit biasa yang memerlukan bantuan ambulans.

Saya mencadangkan solusi kepada permasalahan ini. Pertamanya ialah dengan menyediakan lebih banyak tempat meletak kereta. Dengan peruntukan sewajarnya, pihak kementerian boleh menjalankan projek perintis dengan mengaplikasikan sistem *parking* kereta bertingkat secara mekanikal. Tempat parkir mekanikal ini sudah banyak digunakan di luar negara. Mengapa kaedah ini tidak boleh diaplikasikan di negara kita? Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai pelaksanaan serta kos pembinaan *parking* mekanikal di flat kos rendah dan juga sederhana negara ini. Sekian, terima kasih.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Petaling Jaya Selatan. Ini satu Yang Berhormat ini, yang paling banyak buat usul Kamar Khas inilah dia, Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Selatan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, selepas ini saya sebut KPKT, melalui PLAN Malaysia, dahulu adalah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, panjang sangat. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, nama yang terkini kita pinda, tukar untuk memudahkan sebutan dan orang faham ialah nama PLAN Malaysia. PLAN Malaysia Tuan Yang di-Pertua, telah pun menyediakan Garis Panduan Perancangan Tempat Letak

Kenderaan ataupun selepas ini saya sebut sebagai Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kereta (GPP TLK) ya, Yang Berhormat, ya, bagi menyelaraskan dan memastikan pemakaian GPP TLK yang seragam di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

■1450

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, memenuhi keperluan perkembangan semasa seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. GPP TLK ini Tuan Yang di-Pertua, disediakan bagi menggantikan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta (JPBD) bagi tahun 2000 dan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta Bertingkat bagi tahun 2003.

GPP TLK ini telah dibentangkan dan mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ke-67 minit (MNKT Ke-67) pada 10 Julai 2017. Ia sudah diterima, sudah dibentangkan, diterima pakai dan dipersetujui oleh semua kerajaan negeri.

Garis panduan ini Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan salah satu – ini Yang Berhormat kena dengar baik-baik. Ia merupakan salah satu syarat dalam pertimbangan untuk apa-apa kelulusan Kebenaran Merancang, salah satu daripada syarat untuk permohonan KM bagi sesuatu permohonan projek pembangunan di mana-mana kawasan PBT. Kalau mana-mana di antara permohonan itu tidak mematuhi kepada garis panduan yang saya sebutkan ini sebagai syarat dalam kebenaran merancang, sepatutnya pihak Berkuasa Tempatan tidak boleh mempertimbangkan untuk sebarang kelulusan kepada mana-mana pemohon yang tidak mematuhi kepada syarat GPP TLK tadi. Selepas ini balik, Yang Berhormat boleh khabar kepada PBT kawasan Yang Berhormat dan juga di negeri Selangor.

GPP TLK ini Tuan Yang di-Pertua, telah mengambil kira prinsip-prinsip perancangan antaranya – tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat termasuklah kemudahan yang sistematik, mesra pengguna dan aspek keselamatan untuk memastikan susun atur, reka bentuk tempat letak kenderaan adalah terancang dan mempunyai sirkulasi atau *circulation* jalan keluar masuk yang jelas termasuklah untuk bomba dan sebagainya. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, GPP TLK ini telah meliputi dan mengambil kira pelbagai aspek termasuk keselamatan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk masuk ke mana-mana kawasan pangsapuri ataupun flat kos rendah tadi.

Bagi mengatasi kesesakan terutama di kawasan-kawasan perumahan pangsapuri ataupun flat kos rendah, GPP TLK ini juga telah menetapkan piawaian minima sudut, jenis laluan, lebar, landas keluar masuk, lengkungan landas, pencahayaan termasuk penyediaan tempat letak kenderaan khas bagi OKU/warga emas/golongan khas serta tempat letak kenderaan khas bagi tujuan keselamatan seperti Bomba. Ini Yang Berhormat faham saya sebut tadi, ya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah *parking* yang tidak mencukupi berlaku di kawasan perumahan kos rendah yang lama memandangkan pada masa dahulu bila kita *design* rumah kos rendah kita, sama ada dibina oleh kementerian, kerajaan ataupun oleh pemaju dalam negeri-negeri yang ada, dahulu tidak ramai penghuni yang berkemampuan untuk beli kereta. Dahulu kalau ada satu rumah, ada satu kereta pun sudah bagus. Sekarang ada satu rumah sampai lima ke enam buah kereta. Anak sudah bekerja, kereta merupakan keperluan. Kereta bukan lagi merupakan kemewahan. Jadi walaupun mereka duduk di kawasan flat kos rendah, ia tidak menidakan keupayaan mereka untuk mempunyai kenderaan dan kenderaan itu berupa kereta.

Jadi maka kerana itu, pada masa kini, kementerian telah pun membina *parking* bertingkat di kawasan PPR bagi mengatasi masalah kekurangan tempat parkir seperti di PPR Kota Bharu dan PPR Kepong yang mempunyai piawaian satu petak letak kereta bagi satu unit rumah dan 20 peratus untuk pelawat. *The other 20% is for visitors*, dengan izin.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat agar parkir mekanikal diaplikasikan di negara kita seperti mana yang sedang berlaku di negara-negara luar. Pembinaan ini Tuan Yang di-Pertua, ia bergantung kepada kesesuaian lokasi terutamanya bagi kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan tanah yang terhad.

Di samping itu, implikasi dari segi kos pembinaan dan kos penyelenggaraan. Jadi buat masa ini Yang Berhormat, tiga projek PPR seperti yang saya sebutkan tadi, yang ada parkir bertingkat, iaitu PPR Kota Bharu, bilangan rumah 1,000, bilangan parkir 1 is to 1 dan kos membina ialah RM20.6 juta. *It is not cheap actually* dan bagi PPR Kepong, unit rumah 1,600, jumlah parkir 1,600, *this is one to one*, ya untuk mereka yang menghuni – *the others is 20%* bagi *visitor* berjumlah RM23.5 juta.

Bagi PPR Sentul, 500 unit bilangan - parkir 500, Kos pembinaan parkir bertingkat ialah RM8.5 juta. *So we are trying our best*. Kementerian sedang

menguruskan untuk membina kemudahan fakir mekanikal ini terutama di kawasan-kawasan BPR. Saya harap mudah-mudahan Yang Berhormat telah mendapat penjelasan yang sepatutnya saya berikan bersesuaian dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekiranya urusan untuk kita bina lebih banyak lagi parkir mekanikal, *we have to look into the cost* penyelenggaraan yang mungkin akhirnya – dengan harapan ia tidak membebankan kepada penghuni dari segi pembayaran penyelenggaraan kepada *Joint Management Body* (JMB).

Jadi ini antara perkara-perkara yang sedang kita tengok. Jadi apa yang saya minta Yang Berhormat buat selepas ini, Yang Berhormat balik, pastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam negeri Selangor mematuhi kepada perkara yang telah pun saya sebutkan tadi. GPP TLK adalah syarat wajib dalam mana-mana permohonan kebenaran merancang. Kita harap kalau ini sekiranya berlaku Tuan Yang di-Pertua, insiden yang berlaku di Pulau Pinang sekiranya kerajaan negeri mematuhi kepada garis panduan yang telah pun kita bantangkan dalam Majlis Perancangan Fizikal Negara, kalau itu dipatuhi, maka banyak perkara-perkara yang tidak diingini dapat dielakkan. Jangan jadi macam negeri Pulau Pinang, balik betulkan balik negeri Selangor ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 15 November 2017. Terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.56 petang]